

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN – PAS]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 77)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan pembangunan sukan permotoran ekor an dari kejayaan pelumba negara khususnya Khairu Idham Pawi di Argentina baru-baru ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi sokongan dan bekerjasama dengan pihak swasta serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam membangunkan sukan permotoran.
2. KBS telah mengambil langkah dengan merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program permotoran sama ada berbentuk klinik ataupun kejohanan sehingga ke peringkat akar umbi. Antara program yang dilaksanakan adalah Mini Pocket Bike Challenge, Drag Racing Motorcycle Championship, Motorcross Championship, Formula KBS, dan Kejuaran Cup Prix.
3. Selain daripada itu, KBS juga bekerjasama dengan Sepang International Circuit (SIC) dalam Program Pembangunan Sukan Bermotor dan Program Kesedaran Sukan Bermotor yang bertujuan melahirkan pelumba-pelumba bertaraf dunia dan memberi kesedaran sukan permotoran kepada golongan belia. Hasil kerjasama ini Negara dapat melahirkan pelumba GP2 iaitu Nabil Jeffri dan GP3 iaitu Akash Neil Nandy.
4. Hasil dari usahasama ini beberapa pelumba motor dapat diketengahkan di peringkat antarabangsa. Antaranya Zulfahmi Khairuddin kini beraksi dalam World Superbike Championship, Adam Norrodin pula beraksi dalam Moto3 World Championship. Disamping itu juga, terdapat dua pelumba motor muda negara beraksi dalam Asia Talent Cup. Mereka terdiri daripada Izam Ikmal

SULIT

yang berusia 14 tahun dan Idham Khairuddin berusia 16 tahun di Litar Sepang Antarabangsa.

5. Program Pembangunan Sukan bermotor kerjasama KBS dengan SIC antaranya terdiri seperti berikut:-
 - i. Program KBS – MAM Kapcai Endurance
 - ii. Program Shell Advance Asia Talent Cup
 - iii. Program Pemantapan Sahsiah dan Kecergasan Atlet

6. Program Kesedaran Sukan Bermotor Bersama SIC pula adalah program memberi peluang kepada peminat – peminat terutama golongan belia bagi menyaksikan kejohanan seperti, World Superbike Championship, Malaysia Motorcycle Grand Prix dan Formula 1 Malaysia Grand Prix. Kejayaan Khairul Idham Pawi di Argentina baru-baru ini mampu menjadi inspirasi kepada belia-belia untuk menceburi sukan permotoran secara profesional.

Sekian, terima kasih.